

11/08/2003

Mengekal imej cemerlang UM

Mohd Yahya Mohamed Ariffin

KUALA LUMPUR: Mulai hari ini, Universiti Malaya (UM) sekali lagi mengadakan majlis konvokesyennya untuk kali ke-41 di Dewan Tunku Canselor, dewan yang pernah menjadi saksi kepada puluhan peristiwa bersejarah sebelum ini. Kali ini, 7,510 graduan dalam pelbagai bidang akan menerima ijazah, paling ramai dikeluarkan oleh universiti tertua negara sejak ia ditubuhkan. Sejak 1960 sehingga konvokesyen kali ini, UM sudah melahirkan 101,495 siswazah iaitu 729 doktor falsafah, 8,168 sarjana dan 92,598 sarjana muda.

Pada konvokesyen kali ini, tiga tokoh akan dianugerahi ijazah kehormat iaitu bekas Pro-Canselor UM, Tun Syed Zahiruddin Syed Hassan yang menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang; bekas Pengerusi Lembaga Pengarah UM, Tan Sri Basir Ismail (Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi) dan Pengerusi Eksekutif Talam Corporation Berhad, Tan Sri Ir Dr Chan Ah Chye (Ijazah Kehormat Doktor Sains (Kejuruteraan)). Tokoh yang banyak berjasa kepada bangsa dan negara ini akan menerima ijazah mereka daripada Canselor UM yang juga Sultan Perak, Sultan Azlan Shah, pada sesi pertama, hari ini.

Sementara itu, 73 graduan menerima ijazah doktor falsafah, seorang menerima ijazah doktor perubatan, 1,067 sarjana, 6,234 sarjana muda dan 132 diploma. Konvokesyen kali ini memperlihatkan peningkatan graduan sarjana muda yang lulus cemerlang iaitu 705 orang (11.3 peratus daripada jumlah graduan sarjana muda) berbanding 640 graduan tahun lalu. Ini membuktikan semakin ramai pelajar UM mampu memperoleh mata gred 3.7 dan ke atas (mata gred maksimum adalah 4.0) untuk lulus cemerlang. UM turut melahirkan kumpulan pertama 26 graduan sarjana muda di bidang Pendidikan (Pengajian Bahasa Tamil).

Seperti biasa, graduan dilahirkan setiap tahun dan mereka meninggalkan UM dengan seribu kenangan. Namun, UM di bawah kepimpinan Naib Canselor, Datuk Profesor Dr Hashim Yaacob akan terus berada di tempat ia berada sekarang dengan tradisi kecemerlangannya dan berdiri kukuh untuk menerima dan mendidik pelajar pada masa ini dan akan datang.

Kejayaan melahirkan graduan di pelbagai bidang membuktikan bahawa UM adalah sebuah universiti yang mempunyai tenaga akademik yang pakar dan berwibawa.

Kemampuan dan kekuatan UM setakat ini dapat dibuktikan apabila ramai lulusannya menjadi pemimpin negara, pegawai kanan sektor awam, tokoh korporat dan akademik yang berjaya, sama ada masih berkhidmat atau sudah bersara. Antaranya termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman; Presiden Petronas, Tan Sri Dr Mohd Hassan Merican; Ketua Eksekutif Proton Berhad, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff dan bekas Naib Canselor UM, Profesor Diraja Ungku Aziz.

Sebagai kesinambungan, apakah graduan UM pada tahun ini mampu memikul cabaran untuk menandingi kecemerlangan dan kejayaan tokoh ini? Adalah menjadi harapan masyarakat bahawa graduan pada kali ini atau yang sudah lama meninggalkan UM bakal menjadi pemimpin, pegawai kanan sektor awam, tokoh korporat dan akademik serta sebarang bidang yang diceburi pada masa akan datang seperti senior mereka, mungkin 10 atau 20 tahun daripada sekarang.

UM adalah universiti yang menjadi pilihan peringkat pengajian doktor falsafah dan sarjana, termasuk pelajar luar negara. Jumlah lulusan doktor

falsafah iaitu 73 orang adalah yang tertinggi pernah dikeluarkan oleh UM, berbanding 49 pada tahun lalu.

Pada peringkat sarjana, jumlah yang dilahirkan juga terus meningkat. Tahun ini, 1,067 orang menerima ijazah berbanding 1,033 tahun lalu. Antara perkembangan menarik ialah UM berjaya mengeluarkan kumpulan pertama lima graduan sarjana di bidang Pergigian Klinikal, sementara bidang Pendidikan melahirkan graduan sarjana paling ramai iaitu 228 orang.

Statistik Institut Pengajian Siswazah menunjukkan pada Sesi 2002/03, 8,187 pelajar peringkat ijazah lanjutan berdaftar di UM, 677 pelajar peringkat doktor falsafah dan 7,510 di peringkat sarjana. Adalah menjadi harapan UM untuk melihat lebih ramai pelajar ijazah lanjutan, khususnya dari luar negara bagi merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat ilmu di rantau ini.

Kejayaan UM sebagai universiti Malaysia pertama memperoleh persijilan ISO 9001: 2000 secara menyeluruh pada tahun ini membuktikan bahawa universiti ini amat serius dalam hal kualiti, termasuk melahirkan graduan. Sesungguhnya, graduan UM adalah pembawa imej universiti. Jaga dan peliharalah imej universiti yang banyak membantu mendewasakan mereka, umpama menjaga diri sendiri.

Penulis adalah pensyarah di Jabatan Pengajian Media, UM